

SOALAN NO: 507

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN CHUA TIAN CHANG @ Tian Chua

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan senarai mengikut industri dan negeri untuk 1.5 juta pekerja Bangladesh yang bakal dibawa masuk ke Malaysia.

PR-1341-T72607

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Senarai Majikan/Industri Yang Memohon Pekerja Bangladesh

Kementerian Sumber Manusia **tidak mempunyai senarai majikan atau industri** yang memohon untuk menggajikan pekerja Bangladesh secara spesifik kerana **secara lazimnya majikan akan mengemukakan permohonan** kepada Jabatan Tenaga Kerja, **sekiranya mereka ingin menggajikan pekerja asing**. Jabatan Tenaga Kerja akan menjalankan siasatan untuk **menilai kelayakan seseorang majikan tersebut termasuk dari segi pematuhan kepada standard-standard perburuhan**.